


## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 5

### 3.8 juta individu selesai kemas kini maklumat Padu



SELANGOR merekodkan jumlah tertinggi individu yang mengemas kini maklumat Padu setakat semalam.

### 3.8 juta individu selesai kemas kini maklumat Padu

PETALING JAYA — Sistem Pangkalan Data Utama’ (Padu) telah merekodkan jumlah pengemaskinian maklumat individu seramai 3.8 juta orang berdasarkan sumber data pentadbiran setakat kelmarin.

Menerusi perkongsian di Facebook Padu Official semalam, pihaknya berterima kasih kepada rakyat Malaysia atas sokongan diberikan dalam mengemas kini maklumat diri dan keluarga dalam sistem tersebut.

“Jumlah pengemaskinian maklumat individu yang direkodkan sehingga 25 Februari 2024 pukul 11.59 malam telah mencapai seramai 3.8 juta orang daripada 30.08 juta rekod individu dalam sistem Padu,” katanya.

Menurut infografik yang turut dikongsikan bersama hantaran itu, Selangor merekodkan jumlah tertinggi iaitu seramai 0.57 juta individu, diikuti Sarawak (0.49 juta), Johor (0.37 juta), manakala Perak (0.34 juta) dan Sabah (0.32 juta) individu.

Bagi negeri-negeri lain pula, Kedah dan Kelantan masing-

masing merekodkan (0.26 juta) individu, Kuala Lumpur (0.25 juta), Pahang (0.21 juta), Terengganu (0.20 juta), Pulau Pinang (0.19 juta), Negeri Sembilan (0.16 juta), Melaka (0.11 juta), Perlis (0.05 juta), Putrajaya (0.02 juta) dan Labuan (0.01 juta) individu.

Orang ramai boleh mengemas kini maklumat mereka di Padu menerusi laman sesawang [www.padu.gov.my](http://www.padu.gov.my), yang dibuka hingga 31 Mac depan.

Padu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 Januari lalu dan pendaftarannya dibuka sehingga 31 Mac 2024 bagi membolehkan orang ramai mengemas kini serta mengesahkan maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, bilangan isi rumah dan alamat.

Padu dibangunkan sepenuhnya oleh penjawat awam dari tiga agensi utama iaitu Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang membabitkan kerjasama semua agensi lain.